

# **Penyelidikan Berkumpulan**

## **Tajuk:**

**Konsep Kendiri Pelajar Yang Telah Menjalani Hukuman  
Rotan di Sekolah Menengah Di Daerah Kerian**

**Tahun: 2004**

## **Senarai Ahli Kumpulan:**

<b>Nama</b>	<b>No. Metrik</b>
<b>Sajap Maswan</b>	<b>P-PD1371/01</b>
<b>Jamilah Din</b>	<b>PPM-175/03</b>
<b>Rodzita Osman</b>	<b>SPM-206/03</b>

## **Pensyarah:**

**Dr. Hairul Nizam Ismail**

# **BAB 1 PENGENALAN**

## **1.0 Pengenalan**

Isu merotan bukanlah perkara baru di dalam dunia pendidikan di negara ini. Pelbagai pihak seperti ibu-bapa, pihak sekolah, tokoh akademik dan para pemimpin negara telah menyuarakan pendapat dan cadangan masing-masing sehinggalah berlaku beberapa kali perubahan dalam tatacara pelaksanaan hukuman rotan di kalangan pelajar sekolah di negara ini. Hukuman merotan adalah dibenarkan ke atas pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan berat seperti mana yang termaktub di dalam Akta Displin Sekolah (1957/59). Walau bagaimana pun Kementerian Pendidikan (1992) telah mengarahkan semua guru besar dan pengetua supaya mengutamakan perbincangan dari hati ke hati terhadap pelajar yang melakukan kesalahan, walaupun hukuman rotan masih dibenarkan. Sekali lagi perubahan berlaku apabila Kementerian Pendidikan (1994) mengeluarkan arahan supaya hukuman rotan di khalayak ramai dihentikan. Sebaliknya hukuman rotan seharusnya dijalankan di dalam bilik pengetua dengan disaksikan oleh beberapa orang guru.

Malangnya masalah disiplin tetap terus meningkat. Perubahan berlaku lagi apabila Kementerian Pendidikan (1996) mengarahkan supaya hukuman rotan diteruskan termasuklah terhadap pelajar-pelajar perempuan. Perubahan ini adalah berdasarkan resolusi yang dicapai dalam Seminar Disiplin Pelajar Kebangsaan yang dihadiri oleh pegawai-pegawai pendidikan, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru, kesatuan dan persatuan perguruan, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik, media massa dan juga wakil-wakil pelajar. Kementerian Pendidikan (1997) telah menetapkan hanya guru besar, pengetua dan guru disiplin diberi kuasa merotan. Walau bagaimana pun peraturan tersebut telah diubah lagi apabila Kementerian Pendidikan (1998) membenarkan guru besar atau pengetua memberi kuasa kepada mana-mana guru melaksanakan apa-apa hukuman termasuklah merotan. Ini adalah kerana guru-guru agak sukar mengawal disiplin pelajar di dalam kelas masing-masing kerana peraturan

sebelum itu hanya membenarkan pengetua, guru besar dan guru disiplin sahaja melaksanakan hukuman terhadap pelajar yang melanggar peraturan sekolah.

Kementerian Pendidikan (1999) telah mengedarkan garis panduan terbaru berhubung peraturan dan disiplin pelajar termasuklah peraturan merotan di kalangan pelajar yang melanggar peraturan sekolah. Ini adalah lanjutan daripada usul yang telah dikemukakan oleh Majlis Permaufakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional yang meminta pengurusan sekolah memberi penerangan secara terperinci kepada semua ibu bapa mengenai garis panduan berhubung peraturan pendidikan termasuklah peraturan penggunaan rotan. Di dalam garis panduan tersebut digariskan kesalahan berat, sederhana, ringan dan biasa serta bentuk hukumannya.

Dalam tahun 2003, isu hukuman merotan sekali lagi menjadi bahan perbincangan yang sangat hebat apabila pada tahun tersebut, media masa di negara ini banyak melaporkan tentang kes-kes salah laku pelajar termasuklah kesalahan yang melibatkan pergaduhan berkumpulan dan kes pembunuhan. Berikutan desakan dari berbagai pihak termasuk para menteri maka sekali lagi Kementerian Pendidikan (2003) telah mengkaji secara serius untuk memberi kuasa semula kepada semua guru di sekolah melaksanakan hukuman rotan terhadap pelajar, sebagai usaha mengekang masalah disiplin yang semakin membimbangkan. Berikutan itu, satu pekeliling baru akan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan berhubung tatacara merotan sebagai tambahan kepada garis panduan sedia ada.

### **1.1 Permasalahan Penyelidikan**

Masalah disiplin yang semakin merosot serta mencari punca-punca yang menyebabkan berlakunya masalah tersebut perlulah dilakukan secara berhati-hati. Ini adalah kerana hukuman rotan kepada pelajar boleh mencetuskan pelbagai reaksi khususnya dikalangan ibu bapa, termasuklah bantahan terbuka sehingga kepada mengambil tindakan mahkamah (Khairina, 2003). Seperti

diduga isu itu kini mendapat reaksi di kalangan anggota masyarakat termasuklah ibu bapa, guru-guru, ahli-ahli akademik sehinggalah kepada tokoh-tokoh politik. Ada yang bersetuju supaya hukuman yang lebih berat termasuk hukuman rotan perlu dilaksanakan dengan segera, tidak kurang juga ada yang berpendapat bahawa hukuman rotan bukan jalan terbaik untuk menangani masalah disiplin di kalangan pelajar.

Berita Harian Online (2003) telah membuat pungutan undi secara *online* dan meminta pendapat orang ramai berhubung pemberian kuasa kepada semua guru dalam melaksanakan hukuman merotan bagi mengatasi kemerosotan disiplin pelajar dan budaya samseng di sekolah. Seramai 23,483 pengunjung telah terlibat dalam undian tersebut dengan menjawab soalan *Ya* atau *Tidak*.. Dapatan daripada undian tersebut menunjukkan sebanyak 73.45% bersetuju supaya hukuman merotan diberikan kepada semua guru dalam usaha untuk mengatasi kemerosotan disiplin, sementara 26.55% tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Disamping itu Berita Harian Online dalam masa yang sama (2003) telah membuka ruangan forum secara *online* berhubung dengan isu merotan. Seperti yang dijangka, melalui forum tersebut terdapat berbagai-bagai pendapat yang bertentangan berhubung dengan isu hukuman merotan di sekolah.

Kebanyakan cadangan dan pandangan yang dikemukakan berkaitan isu merotan adalah di berikan oleh mereka yang tidak pernah terlibat sebagai orang yang pernah merasai hukuman rotan tersebut. Kebanyakan pandangan tersebut adalah berdasarkan pendapat peribadi bukan berdasarkan dapatan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan. Kajian ini mengenegahkan cadangan supaya melihat kesan merotan dari sudut psikologi berhubung pandangan para pelajar yang pernah menerima hukuman merotan dan hubungannya terhadap konsep sendiri.

## **1.2 Objektif Penyelidikan**

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk mengkaji;

- a. Hukuman merotan dan hubungannya dengan konsep sendiri pelajar.
- b. Kesan hukuman rotan terhadap sikap pelajar yang pernah menjalaninya.
- c. Pandangan pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan tentang bentuk hukuman yang sesuai bagi merubah perlakuan mereka.

## **1.3 Kepentingan Penyelidikan**

Penyelidikan ini adalah penting bagi memberikan input kepada semua lapisan masyarakat termasuklah kepada mereka yang terlibat dalam membuat dasar pendidikan terhadap kesan merotan terhadap diri pelajar yang pernah terlibat dalam menjalani hukuman tersebut.

## **1.4 Persoalan Penyelidikan**

Soalan-soalan penyelidikan adalah seperti berikut;

- a. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kekerapan hukuman rotan dengan konsep sendiri pelajar.
- b. Adakah terdapat kesan yang positif terhadap perubahan sikap pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan.
- c. Adakah hukuman rotan sesuai untuk mengubah sikap pelajar yang melanggar peraturan sekolah.

## 1.5 Hipotesis Penyelidikan

- a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kekerapan rotan dengan konsep sendiri pelajar.
- b. Tidak terdapat kesan positif terhadap perubahan sikap pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan.
- c. Hukuman rotan tidak sesuai untuk mengubah sikap pelajar yang melanggar peraturan sekolah.

## 1.6 Kerangka Teori

Menurut Rogers (1951) individu akan bertindak secara entiti yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan-keperluan tertentu. Ia mempunyai satu motif asas untuk mencapai kesempurnaan sendiri dan memperbaiki dirinya. Individu yang bermasalah berada di dalam keadaan yang tidak *kongruen* iaitu apa yang dipersepsikannya mengenai dirinya tidak sama dengan apa yang dialaminya sekarang. Wujud dalam dirinya itu sendiri yang mengalami sesuatu yang tidak sama dengan struktur kendirinya yang terjadi dari gabungan antara penilaiannya sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Bila terdapat banyak persamaan antara sendiri dengan pengalaman, maka seseorang itu akan mengalami perasaan kongruen. Sebaliknya pula, bila terdapat banyak keadaan yang tidak sama di antara sendiri dengan pengalaman, maka akan wujud keadaan yang tidak kongruen.

Clark, Cleme & Bean (1982) menyatakan bahawa konsep sendiri positif merujuk kepada beberapa ciri tingkahlaku yang terbit daripada rasa harga diri yang tinggi. Ini termasuk bebas membuat pemilihan dan keputusan, mengambil tanggungjawab, bangga dengan kejayaan yang di capai, menghadapi cabaran dengan penuh semangat, sentiasa berasa gembira, boleh bertolakansur dengan kekecewaan dan berkesanggupan untuk mempengaruhi orang lain.

Sementara konsep sendiri negatif pula menurut Rogers (1951) ialah jika seseorang itu mempunyai harapan, pandangan dan nilai yang rendah terhadap dirinya sendiri. Ia merujuk kepada perasaan dan tingkahlaku seperti rasa tidak dihargai, kurang keyakinan diri, rasa murung, mengelak situasi-situasi yang mencemaskan, mempunyai helah bela diri yang tinggi, mudah kecewa, mudah dipengaruhi dan meletakkan kesalahan dirinya pada orang lain.

## **1.7 Dfinasi Istilah**

### **Konsep Kendiri**

Persepsi seseorang terhadap dirinya.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Kenakalan sebahagian pelajar hari ini mengarah kepada bentuk jenayah seperti samseng di sekolah, pergaduhan, memiliki bahan lucah dan penyalahgunaan dadah. Bahkan ada pelajar yang berani mengugut guru yang cuba mendisiplinkan mereka. Fenomena ini tentunya mencemaskan semua pihak dan pencegahan perlu dilakukan dengan segera sebelum ianya menjadi parah. Mungkin salah satu cara yang pencegahannya ialah melalui hukuman yang berat seperti rotan. Hukuman ini walaupun dibenarkan, namun ada pihak yang tidak berpuashati dan beranggapan ia cara lama yang tidak sesuai pada zaman ini (Saidul Amin, 2003). Unsur dalaman seperti konsep sendiri para pelajar adalah perlu untuk ditingkatkan agar masalah ini dapat diatasi dengan lebih berkesan.

#### **2.1 Hukuman Rotan**

Merotan atau memukul sebagai satu cara mendidik sebenarnya bukanlah perkara baru. Di Amerika, merotan dan cara dendaan fizikal yang lain adalah perkara biasa pada masa lalu. Blair G.M, at.el (1975) melaporkan bahawa pada awal abad ke 20, di sebuah sekolah.....yang mempunyai 250 guru, terdapat 328 kes merotan pada suatu minggu, atau purata 65 kes merotan setiap hari. Di sebuah sekolah yang lain pula, lapan belas orang murid lelaki dirotan selama dua jam di hadapan seorang dewasa atau orang yang tidak dikenali. Ada seorang guru tua memberitahu, bahawa pada hari pertama beliau mengajar, dia merotan setiap orang murid yang ada di dalam kelasnya.

Pada tahun 1848, sebuah sekolah tinggi di Carolina Utara menerbitkan satu senarai tingkah laku yang dilarang bersama dengan hukumannya sekali. Diantara peraturan tersebut ialah;

1. murid lelaki yang bermain dengan murid perempuan, empat kali sebat.



2. Berkelahi, empat kali sebat.
3. Menyimpan kuku panjang, dua kali sebat.
4. Bercakap kasar, lapan kali sebat.

Di dalam tradisi Pendidikan Islam, Rasulullah membenarkan kaedah rotan di dalam mendidik anak. Dalam salah satu hadis Baginda bersabda maksudnya: “Ajar anakmu untuk belajar mengerjakan solat apabila berumur tujuh tahun. Pukul dia andai kata enggan melakukan solat itu pada usia 10 tahun”. Berdasarkan hadis ini, jelas bahawa memukul atau merotan sebenarnya adalah salah satu cara pendidikan yang dibenarkan dalam Islam. Walau bagaimanapun merotan atau memukul adalah hukuman yang akhir selepas melalui beberapa peringkat seperti nasihat, peringatan atau bentuk bimbingan.

Di dalam sistem pendidikan di negara ini, Kementerian Pendidikan (1999) telah telah mengariskan 35 kesalahan berat yang membolehkan pelajar yang melanggar kesalahan tersebut diberi hukuman rotan di punggung. Antara kesalahan yang di kategorikan sebagai ‘berat’ ialah seperti menyimpan, membawa, menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah, membawa menyimpan, menghisap atau mengedar bahan tembakau dan membawa, meminum, menyimpan atau mengedar minuman keras atau sebarang benda yang memabukkan atau menghayalkan. Selain itu, biadap terhadap guru, pengawas dan murid lain juga turut dikategorikan sebagai kesalahan berat. Turut disenaraikan sebagai kesalahan berat ialah membuli, berjudi, mencuri serta mencetak, menerbit, mempamer, mengedar, menyimpan rencana, majalah atau pita rakaman dan multimedia terlarang. Jika didapati bersalah, pelajar berkenaan akan dirotan di punggung menggunakan rotan ringan maksimum tiga kali.

Sehingga hari ini, walaupun hukuman rotan masih dijalankan namun, kesalahan disiplin di kalangan pelajar terus meningkat. Ini terbukti dengan cadangan terbaru untuk memberikan semula kuasa merotan kepada semua guru

bagi membendung masalah disiplin yang semakin membimbangkan (Rafie, 2003).

### **2.3 Teori-Teori Berkaitan Kecenderungan Pelajar Melakukan Kesalahan Disiplin**

Ramai dikalangan guru dan pentadbir percaya bahawa disiplin yang baik ialah apabila pelajar-pelajar mematuhi semua peraturan dan wujud pengawalan sosial. Menurut Power (1999), disiplin di anggap sebagai satu topik pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum pengurusan. Apabila pelajar melakukan kesalahan melanggar peraturan sekolah, maka hukuman akan diberikan. Salah satu hukuman yang digunakan ialah dengan merotan. Tujuannya ialah untuk memberi kesedaran kepada pelajar tersebut supaya tidak mengulangi semula kesalahan tersebut. Walau bagaimanapun sekarang ini, kebanyakan sekolah telah mempunyai seorang guru kaunselor sepenuh masa. Melalui sesi kaunseling mereka akan lebih mengetahui punca-punca yang mendorong pelajar-pelajar melanggar peraturan sekolah. Dengan mengetahui punca masalah sebenar, tentunya 'rotan' bukanlah satu-satunya ubat yang paling berkesan untuk mengubati semua jenis penyakit.

#### ***Teori Psikologi Sosial***

Teori ini mendapati adanya kaitan antara kegagalan ibu bapa mendidik anak dengan masalah mental dan perlakuan juvana. Masalah keluarga berpunca daripada sikap ibu bapa yang mengabaikan dan membezakan anak-anak mereka serta mendidik dengan menggunakan cara kekerasan seperti memukul dan merotan. Peristiwa trauma yang dialami di zaman kanak-kanak didapati boleh memberi kesan buruk dalam kehidupan di zaman dewasa kelak. Pendidikan keluarga sama ada positif atau negatif akan mempengaruhi konsep sendiri seseorang. Konsep sendiri ini akan mempengaruhi para pelajar bertindak dalam situasi-situasi tertentu.

Dickinson G.E & Leming M.R (1995) telah menjelaskan bahawa perlakuan seseorang diasaskan kepada imej yang diharapkan olehnya bukan daripada keadaan nyata yang sebenar. Individu membina sikap dirinya sebenar dan akan bertindak mengikut imej yang dibinanya itu.

### ***Teori Peranan (Functionalist)***

Daripada perspektif Teori Peranan, keluarga bermasalah berpunca daripada ketidaksetabilan di dalam institusi keluarga akibat perubahan sosial. Perubahan sosial berlaku apabila sumber ekonomi masyarakat berubah daripada sistem pertanian kepada sistem perindustrian. Perubahan ini menyebabkan terbentuknya keluarga 'extended' berpecah dan terbentuknya sistem keluarga 'nuclear'. Dalam proses melaksanakan aktiviti perindustrian, institusi keluarga didapati gagal memberi didikan dan penjagaan anak-anak mereka dengan sempurna. Menurut Dickinson G. E & Leming M. R (1995), integrasi sosial adalah sebahagian daripada peraturan yang perlu dalam unsur-unsur kehidupan. Setiap seorang adalah bahagian daripada kumpulan yang mempunyai peraturan tertentu tentang perlakuan kumpulan berkenaan.

Berdasarkan teori ini, berkemungkinan peningkatan pelanggaran disiplin di kalangan pelajar pada hari ini adalah berkaitan dengan perubahan sosial yang telah berlaku. Ibu bapa pada hari ini terlalu sibuk berkerja di kawasan-kawasan industri sehingga kurang berinteraksi dengan masyarakat sekeliling dan anak-anak.

### ***Teori Konflik***

Teori Konflik menerangkan bahawa masyarakat tidak setabil dan ahli kumpulan bertanding untuk mendapatkan punca dan khidmat yang semakin berkurangan. Sebagai contoh berlaku ketegangan diantara masyarakat kelas

rendah dengan masyarakat kelas tinggi. Golongan miskin tidak mendapat peluang yang sama untuk belajar juga boleh menjadi punca konflik. Kewangan yang tidak mencukupi boleh menimbulkan konflik dalam perhubungan keluarga. Mengikut Benokratis (1995), teori konflik menerangkan tentang berbagai kesengsaraan keluarga adalah akibat daripada masalah sosial yang berleluasa.

Apabila berlaku peningkatan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah, sepatutnya kita melihat kepada faktor-faktor lain yang menjadi punca sebenar berlaku fenomena tersebut. Di antara faktor-faktor yang boleh menyebabkan masalah disiplin seperti yang di jelaskan dalam teori-teori yang di bincangkan sebelum ini adalah berpunca daripada masalah sistem perhubungan di dalam keluarga dan juga sosial masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh Annamalai (1988) berhubung dengan perlecekan salah laku dikalangan pelajar India di sekolah menengah adalah berpunca daripada masalah keluarga, persekitaran dan tekanan di dalam diri pelajar itu sendiri. Ahmad Fauzi (1999) di dalam kajiannya mendapati ada hubungan diantara masalah disiplin dengan polirasi kaum. Masalah-masalah dalam keluarga dan masyarakat tentunya akan mempengaruhi sikap sendiri kanak-kanak. Sekiranya konsep sendiri seseorang itu rendah maka ia akan kurang berupaya untuk memperbaiki tingkah laku dan pencapaian mereka samada di sekolah atau di dalam masyarakat.

### ***Hubungan diantara Konsep Kendiri dengan Masalah Sosial***

Ada beberapa kajian yang menunjukkan ada hubungan diantara konsep sendiri dengan masalah sosial seperti penagihan dadah. Laurie (1974) membuat kajian tentang konsep sendiri penagih dadah dan pembawa virus HIV. Dalam kajian beliau, didapati penagih dadah kebiasaannya mempunyai pandangan yang rendah terhadap diri sendiri dan jarang-jarang merasai kepuasan sendiri dalam kehidupan mereka. Hoffman (1964) dan Hamidah (1990) dalam kajiannya

mendapati bahawa kebanyakan penagih dadah melihat diri mereka sebagai makhluk yang tidak berguna.

Kajian Khoo (1980) mengaitkan corak ketidakseimbangan personaliti penagih dadah dengan konsep sendiri yang rendah, terutamanya tahap penghargaan sendiri dan imej sendiri yang buruk. Dalam konteks ini mereka dikatakan mencari-cari sendiri yang sebenar.

Agak sukar untuk mencari kajian khusus yang mengaitkan masalah disiplin pelajar dengan konsep sendiri. Konsep sendiri yang rendah berkemungkinan mempunyai hubungan dengan pelanggaran disiplin di kalangan pelajar sekolah. Ini adalah kerana terdapat banyak kes pelajar yang sering dirotan disebabkan oleh kesalahan yang sama mengulangi semula kesalahan tersebut.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Penyelidikan ini adalah untuk melihat hubungan diantara hukuman rotan yang diterima oleh pelajar dan hubungannya dengan konsep sendiri pelajar tersebut. Ada di kalangan pelajar yang telah dikenakan hukuman lebih daripada sekali tetapi masih tetap mengulangi semula kesalahan tersebut. Konsep sendiri yang positif dikatakan boleh menyebabkan seseorang itu merasakan diri mereka dihargai. Sementara konsep sendiri negatif membuatkan seseorang itu merasa diri mereka tidak berguna dan kurang berupaya untuk mengawal dirinya sendiri (Rogers, 1951). Penyelidikan ini juga adalah untuk melihat kesan hukuman rotan terhadap sikap pelajar dan kesesuaian hukum tersebut mengikut perspesi pelajar yang pernah menerima hukuman tersebut.

#### **3.2 Rekabentuk Penyelidikan**

Penyelidikan ini adalah berbentuk diskriptif. Ia adalah merupakan kajian kolerasi, yang bertujuan untuk mencari hubungan diantara pembolehubah-pembolehubah yang wujud dalam sesuatu masalah. Pembolehubah di dalam kajian ini ialah;

1. Hukuman Rotan yang di kenakan ke atas seseorang pelajar yang melanggar peraturan sekolah.
2. Konsep Kendiri pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan.

#### **3.3 Populasi Penyelidikan dan Persampelan**

Penyelidikan ini telah di jalankan di dua buah sekolah harian biasa di daerah Kerian. Oleh kerana kajian ini adalah untuk melihat hubungan diantara hukuman

rotan dan konsep sendiri, maka pelajar-pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada mereka yang pernah dikenakan hukuman rotan sekurang-kurangnya sekali. Seramai 41 orang pelajar lelaki telah dipilih untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Hanya pelajar-pelajar lelaki yang di pilih sebagai sampel. Ini adalah kerana hanya pelajar-pelajar lelaki sahaja yang pernah di kenakan hukuman rotan di kedua sekolah tersebut. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam penyelidikan ini berumur diantara 16 hingga 17 tahun. Mereka yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini pernah di kenakan hukuman rotan diantara 1 hingga 14 kali.

### **3.4 Instrumen Penyelidikan**

#### ***i. Sial Selidik***

Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang jumlah rotan yang pernah di kenakan ke atas pelajar-pelajar yang terlibat dalam penyelidikan ini. Soal selidik juga di gunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sikap pelajar dan kesesuaian hukuman rotan keatas pelajar-pelajar yang terlibat.

Soal selidik ini diubahsuai daripada soal selidik yang telah digunakan oleh guru kounseling untuk mendapatkan maklumat tentang masalah disiplin di sekolah yang dikaji.

#### ***ii. Ujian Skala Konsep Kendiri Tennessee (TSCS)***

Ujian ini digunakan untuk mengukur konsep sendiri pelajar-pelajar yang dikaji. Kebolehpercayaan TSCS telah dibuktikan oleh Colanglo et.al. (1987) dengan menggunakan kaedah uji dan uji semula telah memperolehi nilai kebolehpercayaan di antara .80 dan .92. Dalam konteks tempatan pula, Kamaliah (1992) telah memperolehi nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu .66 dengan menggunakan kaedah bahagi dua. Choo (1994) juga telah menguji kebolehpercayaan TSCS

melalui kaedah mengkorelasikan setiap item dengan keseluruhan item TSCS dan nilai pekali alpha Cronbach yang diperolehi agak tinggi iaitu .86. Menurut Majid (1990) alat kajian dengan pekali kebolehpercayaan lebih daripada .60 boleh digunakan.

Mereka yang memperoleh skor markah **3.50 dan ke atas** adalah mempunyai sikap sendiri positif, sementara yang mendapat skor markah **kurang daripada 350** adalah tergolong dalam kumpulan yang mempunyai sikap sendiri negatif.

### **3.5 Prosedur Penyelidikan**

Penyelidikan ini telah di jalankan di dua buah sekolah harian biasa di daerah Kerian. Setelah dua sekolah tersebut di kenalpasti, penyelidik telah mendapat kerjasama dari pihak pentadbir dan guru disiplin sekolah yang dikaji untuk mengenalpasti sampel yang diperlukan. Untuk mengenalpasti pelajar yang telah pernah dijatuhi hukuman rotan, maklumat di rujuk daripada rekod fail disiplin sekolah.

Pelajar-pelajar yang telah di tentukan telah dikumpulkan dan diberi soal selidik serta ujian TSCS.

### **3.6 Penganalisan Data**

Data kajian yang diperolehi telah di proses dan di analisa dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Penganalisan data telah dibuat dengan menggunakan program statistik SPSS versi 10.0.

- a. Arahan *Bivariate Correlation* telah digunakan untuk melihat perhubungan diantara jumlah hukuman rotan yang pernah diterima oleh pelajar yang terlibat dengan skor ujian TSCS.



b. Arahan Analisis deskriptif telah digunakan untuk melihat, kesan hukuman rotan ke atas sikap pelajar dan kesesuaian hukuman rotan mengikut persepsi pelajar yang pernah menjalani hukuman tersebut.

## BAB 4 DAPATAN PENYELIDIKAN

### 4.1 Pengenalan

Kajian ini telah dijalankan berasaskan kepada beberapa kepentingan , iaitu pertama, adalah untuk mengkaji hukuman merotan dan hubungannya dengan konsep sendiri pelajar. Kedua, Untuk melihat kesan hukuman rotan terhadap sikap pelajar yang pernah menjalaninya. Ketiga, untuk melihat pandangan pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan tentang bentuk hukuman yang sesuai bagi merubah perlakuan mereka.

Dalam bab ini, mengandungi analisis- analisis data yang diperolehi mengikut hipotesis-hipotesis yang telah di tentukan sebelum ini.

### 4.2 Hipotesis-Hipotesis

Berikut adalah data-data yang telah dianalisa berdasarkan hipotesis-hipotesis yang telah ditetapkan dalam penyelidikan ini.

#### Hipotesis Satu

H1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kekerapan rotan dengan konsep sendiri pelajar

**Jadual 4.01:** *Dapatan Ujian Kolerasi terhadap hubungan diantara kekerapan rotan dengan konsep sendiri pelajar. ( N=41)*

#### Descriptive Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
pernah dirotan	3.59	3.049	41
skor TCSC	307.83	25.592	41

## Correlations

		pernah dirotan	skor TCSC
pernah dirotan	Pearson Correlation	1	-.502**
	Sig. (2-tailed)	.	.001
	N	41	41
skor TCSC	Pearson Correlation	-.502**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	.
	N	41	41

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Tahap Signifikan 0.005

Berdasarkan jadual di atas, hasil analisis korelasi tersebut memberi tahu bahawa terdapat perkaitan yang agak kuat di antara pembolehubah hukuman rotan dengan pembolehubah skor ujian TCSC di mana nilai pekali korelasinya ialah **0.505**. Tanda negatif di hadapan nilai pekali tersebut menunjukkan perkaitan atau perhubungan yang wujud antara kedua pembolehubah merupakan satu hubungan yang negatif. Ini bermakna hipotesis nol 1 kajian yang menyatakan, Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara kekerapan rotan dengan konsep sendiri pelajar **ditolak**.

### Hipotesis Dua

H 2 Tidak terdapat kesan positif terhadap perubahan sikap pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan.

**Jadual 4.02: Jadual di bawah menunjukkan mean dan peratus kesan rotan terhadap sikap pelajar yang terlibat**

**Report**

calon

kesan rotan terhadap sikap	Mean	N	Std. Deviation	% of Total Sum	% of Total N
Menambah kebencian saya kepada guru dan sekolah	1.50	2	.707	.3%	4.9%
Sedar dan insaf akan kesalahan saya	10.00	15	4.472	17.4%	36.6%
Tak rasa apa	29.00	23	6.782	77.5%	56.1%
Saya teraniaya	41.00	1	.	4.8%	2.4%
Total	21.00	41	11.979	100.0%	100.0%

Daripada jadual di atas di dapati 4.9 peratus daripada pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan mengatakan bahawa hukuman tersebut menambah kebencian mereka terhadap guru dan sekolah, 36.6 peratus mengatakan mereka sedar dan insaf akan kesalahan mereka, 56.1 peratus mengatakan mereka tidak merasa apa-apa dan 2.4 peratus mengatakan diri mereka rasa teraniaya.

**Hipotesis Tiga**

H3 Hukuman rotan tidak sesuai untuk mengubah sikap pelajar yang melanggar peraturan sekolah.

**Jadual 4.03: Jadual menunjukkan pandangan pelajar tentang hukuman yang paling sesuai untuk mengubah sikap mereka.**

**Report**

calon

hukuman paling sesuai	Mean	N	Std. Deviation	% of Total Sum	% of Total N
Nasihat	7.50	14	4.183	12.2%	34.1%
Dendaan	16.50	4	1.291	7.7%	9.8%
Rotan	23.50	10	3.028	27.3%	24.4%
Beritahu ibu bapa	34.00	11	3.317	43.4%	26.8%
Gantung/Buang sekolah	40.50	2	.707	9.4%	4.9%
Total	21.00	41	11.979	100.0%	100.0%

Daripada jadual di atas didapati 34.1 peratus mengatakan bahawa nasihat adalah yang paling sesuai untuk mengubah sikap mereka, 9.8 peratus mengatakan dendaan yang paling sesuai, 24.4 peratus mengatakan rotan yang paling sesuai, 26.8 peratus mengatakan memberitahu kepada ibu bapa yang paling sesuai, dan 4.9 peratus mengatakan gantung atau buang sekolah yang paling sesuai.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan ringkasan dan kesimpulan kajian yang telah dijalankan berdasarkan persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan dalam bab satu. Secara umum bab ini akan membincangkan rumusan dapatan kajian, kesimpulan, implikasi serta cadangan kajian pada masa hadapan.

#### **5.2 Perbincangan Dapatan Kajian**

- a. Hukuman merotan dan hubungannya dengan konsep sendiri pelajar.

Secara keseluruhan terdapat perkaitan yang agak kuat di antara pembolehubah hukuman rotan dengan pembolehubah skor ujian TCSC di mana nilai pekali korelasinya ialah **0.505**. Tanda negatif di hadapan nilai pekali tersebut menunjukkan perkaitan atau perhubungan yang wujud antara kedua pembolehubah merupakan satu hubungan yang negatif. Secara umum perhubungan ini menunjukkan bahawa semakin kerap seseorang itu dikenakan hukuman rotan semakin rendah konsep sendiri yang ada pada diri mereka. Begitulah sebaliknya, sekiranya seseorang itu jarang dikenakan hukuman rotan konsep sendiri mereka adalah lebih tinggi.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa mean keseluruhan ujian TCSC ialah sebanyak 307.83. Ini menunjukkan bahawa mereka yang pernah dikenakan hukuman rotan di dapati mempunyai konsep sendiri yang rendah atau konsep sendiri yang negatif. Melalui ujian TCSC telah ditetapkan bahawa mereka yang memperolehi skor markah kurang daripada 350 dianggap sebagai orang yang mempunyai konsep sendiri yang negatif.

Dapatan kajian ini menunjukkan ada persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum ini seperti kajian oleh Laurie (1974) membuat kajian tentang konsep sendiri penagih dadah dan pembawa virus HIV. Dalam kajian beliau, didapati penagih dadah kebiasaannya mempunyai pandangan yang rendah terhadap diri sendiri dan jarang-jarang merasai kepuasan sendiri dalam kehidupan mereka. Hoffman (1964) dan Hamidah (1990) dalam kajiannya mendapati bahawa kebanyakan penagih dadah melihat diri mereka sebagai makhluk yang tidak berguna. Kajian Khoo (1980) mengaitkan corak ketidakseimbangan personaliti penagih dadah dengan konsep sendiri yang rendah, terutamanya tahap penghargaan sendiri dan imej sendiri yang buruk. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang sering melanggar peraturan sekolah adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai konsep sendiri yang negatif.

**b. Kesan hukuman rotan terhadap sikap pelajar yang pernah menjalaninya.**

Hasil daripada penyelidikan ini di dapati 4.9 peratus daripada pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan mengatakan bahawa hukuman tersebut menambah kebencian mereka terhadap guru dan sekolah, 36.6 peratus mengatakan mereka sedar dan insaf akan kesalahan mereka, 56.1 peratus mengatakan mereka tidak merasa apa-apa dan 2.4 peratus mengatakan diri mereka rasa teraniaya.

Sebahagian besar pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan, mengatakan bahawa mereka tidak merasa apa-apa. Ini menunjukkan bahawa hukuman rotan tidak semestinya akan dapat menyelesaikan masalah disiplin di sekolah yang semakin meningkat seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Lebih daripada separuh responden yang pernah menjalani hukuman rotan tidak ada tanda-tanda akan berubah dan menyesali perbuatannya. Hanya 36.6 peratus daripada responden yang pernah menjalani hukuman rotan mengatakan

bahawa mereka menginsafi kesalahan yang telah mereka lakukan. Kumpulan ini berpotensi untuk boleh berubah kesan daripada hukuman yang telah dikenakan kepada mereka.

Ada juga sebahagian kecil pelajar merasakan bahawa, hukuman tersebut menambahkan kebencian mereka terhadap sekolah dan guru serta sebahagian kecil juga merasakan diri mereka dianiaya. Ini menunjukkan bahawa ada sesetengah keadaan daripada hukuman merotan akan menimbulkan kesan yang lebih negatif terutama jika hukuman rotan itu tidak di laksanakan secara berhati-hati.

**c.** Pandangan pelajar yang pernah menjalani hukuman rotan tentang bentuk hukuman yang sesuai bagi merubah perlakuan mereka.

Daripada dapatan penyelidikan ini mendapati bahawa nasihat adalah yang paling sesuai untuk mengubah sikap mereka. Ini menunjukkan bahawa hukuman rotan agak sukar untuk mengubah sikap para pelajar yang sering melakukan kesalahan atau melanggar peraturan sekolah. Walau bagaimanapun 24.4 peratus daripada para pelajar yang telah menjalani hukuman mengatakan rotan adalah yang paling sesuai untuk mengubah sikap buruk mereka yang sering melanggar peraturan sekolah. Ini menggambarkan bahawa hukuman rotan masih boleh digunakan untuk mengubah sikap negatif pelajar sekiranya itu adalah satu-satunya cara yang paling berkesan setelah diberi nasihat kaunseling, penghargaan dan sebagainya.

Ada juga pelajar yang merasakan dengan memberitahu kepada ibu bapa tentang kesalahan yang mereka lakukan berupaya mengubah tingkah laku buruk mereka. Peranan ibu bapa juga adalah penting dalam membantu mengatasi masalah disiplin di sekolah. Ada juga sebahagian kecil pelajar yang mengatakan bahawa hukuman gantung sekolah atau buang sekolah adalah cara yang terbaik untuk mengubah sikap negatif atau perlakuan pelanggaran disiplin



yang sering mereka lakukan. Pelajar seperti ini seolah-olah menganggap diri mereka sudah tidak berguna dan tidak dapat menguasai dirinya sendiri.

### **5.3 Rumusan**

Secara keseluruhan dapatan penyelidikan ini menunjukkan adanya hubungan diantara konsep sendiri dengan masalah pelajar yang melanggar peraturan-peraturan di sekolah. Pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang negatif lebih berkemungkinan untuk melakukan kesalahan yang mengakibatkan mereka dikenakan hukuman. Hukuman rotan bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah disiplin yang dikatakan semakin membimbangkan itu. Unsur-unsur psikologi dalam diri pelajar seperti konsep sendiri juga perlu diberi perhatian. Walaupun konsep sendiri merupakan teras kepada pembentukan personaliti individu (Harrock, 1972) namun ia tidak bermakna ia dilahirkan sebagai sesuatu yang kekal. Riediger (1984) mendapati konsep sendiri itu terbit dan berkembang mengikut pertumbuhan individu. Sementara itu Rogers (1951) menyatakan bahawa konsep sendiri lahir daripada pengalaman individu. Sebagai pendidik dan ibu bapa secara amnya boleh berperanan untuk mengubah konsep sendiri anak-anak mereka melalui aktiviti seperti kounseling, motivasi, penghargaan dan sebagainya.

### **5.4. Cadangan Kajian Lanjut**

Kajian ini hanya dilakukan di dua buah sekolah dan menggunakan sampel yang sangat terbatas. Dapatan kajian ini tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar masalah hukuman merotan yang telah menjadi isu nasional dewasa ini. Oleh itu kajian lanjut yang melibatkan sampel yang lebih besar perlu dijalankan.

## Bibliografi

- Blair G.M, Jones R.S & Simpson R.H, Terjemahan Norian Fauziah (1991) *Psikologi Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Clark A, Clemes, H. & Bean R. (1982) *How to rise teenagers self-esteem*. San Jose
- Hamidah Hassan (1990) *Kesan Kaunseling Kelompok Terhadap Peningkatan Konsep Kendiri Pelatih-Pelatih Pusat Serenti. Latian Ilmiah yang tidak diterbitkan*. Serdang ; UPM
- Hoffman, M.(1991) *Counseling HIV-Infected Client. Counseling Psychology*.
- Khoo Guat Lien (1994) *Hubungan Konsep Kendiri dengan Sokongan Sosial di Kalangan Banduan Pembawa HIV di Penjara Pusat Selangor*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM
- Rogers C. R (1951) *Client Centered Therapy: Its Current Practise, Implication and Theory*. Boston
- Khairina Yassin (2003) *Rotan: Kuasa, kesan psikologi, tanggungjawab antara isu utama* <http://www.geocities.com/mykaunselor/rotan.htm>
- Keputusan Undian Berita online (2003)  
<http://www.emedia.com.my/Pool/BHQ9/results>
- Keputusan Undian Berita online (2003)  
[http://www.emedia.com.my/Pool/BHQ9/results?query\\_start+61](http://www.emedia.com.my/Pool/BHQ9/results?query_start+61)
- Saidul Amin Usman (2003) *Merotan untuk displinkan bukan menghukum pelajar*, <http://www.geocities.com/mykaunselor/merotan.htm>
- Zalina Yahaya (2003) *Rotan di punggung: Kementerian gariskan 35 kesalahan berat*, Portal pendidikan Utusan-Berita,  
<http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp>